



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**9 MEI 2023 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**9 MEI 2023 (SELASA)**

## KPDN yakin bekalan keperluan harian mencukupi

**SUNGAI PETANI** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yakin cuaca panas ketika ini tidak akan menjejaskan bekalan barangan keperluan harian di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bekalan untuk keperluan rakyat setakat ini masih terkawal biarpun kini negara sedang menghadapi cuaca panas, namun pemantauan akan terus dijalankan dari masa ke masa. "Setakat ini tak ada (berlaku kekurangan bekalan), masih lagi dalam kawalan," katanya ketika melancarkan Inisiatif

Payung Rahmah di sebuah pasar raya di Sungai Lalang di sini pada Isnin.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pihak kementerian tidak menerima sebarang aduan mengenai kekurangan bekalan gula dan air mineral di Kedah.

"Di Kedah, saya difahamkan tidak ada isu kekurangan gula dan air mineral, jadi saya harap perkara ini dapat dikekalkan," katanya.

Jelas Salahudin, KPDN akan bertindak lebih proaktif dalam usaha memastikan bekalan gula kekal di pasaran pada masa depan.

"Kita membuat perancangan

awal dan libat urus yang lebih kerap supaya tidak berlaku krisis bekalan gula dalam negara.

"Kami mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan masalah bekalan dapat diatasi sekiranya berulang," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan rata-rata penduduk di sekitar Kota Bharu, Kelantan terputus bekalan gula sejak minggu lalu.

Dalam majlis sama, seramai 50 Bakul Rahmah disumbangkan kepada golongan memerlukan merangkumi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak dan susu pekat bernilai RM100.



Salahuddin (tengah) menyampaikan sumbangan Bakul Rahmah kepada penerima di sebuah pasar raya di Sungai Lalang pada Isnin.

## Tiada isu bekalan makanan terjejas akibat cuaca panas

**SUNGAI PETANI** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan bahawa tiada isu bekalan makanan terjejas berikutan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, semua bekalan makanan setakat ini masih dalam kawalan.

"Di Kedah saya difahamkan tiada isu kekurangan bekalan gula atau air mineral, jadi saya harap perkara ini dapat kita kekalkan.

"Walau bagaimanapun, dalam mendepani isu gula ini KPDN akan bertindak lebih proaktif dalam kita membuat perancangan-perancangan awal dan libat urus yang lebih kerap supaya tidak berlaku krisis bekalan gula dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah di sebuah pasar raya di Sungai Lalang, Bedong, dekat sini semalam.

Kata beliau, pihaknya

mengambil tanggungjawab penuh bagi memastikan bekalan gula mencukupi dan akan segera memanggil syarikat pengeluar sekiranya berlaku kekurangan bagi mengenal pasti punca kejadian.

Menurutnya lagi, berdasarkan pemantauan setakat ini, banyak isu membabitkan bekalan dan harga barangan keperluan sudah dapat diatasi.

Katanya, meskipun tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) telah tamat, namun pihaknya mendapati harga barang kawalan masih dijual pada harga berpatutan selain ada dijual dengan harga Rahmah.

"Barang keperluan rakyat seperti ayam dijual pada harga RM8 lebih, cili merah antara RM10 hingga RM12 sekilogram (kg), sayur terutama tomato kekal pada harga RM3 lebih sekilogram," jelasnya.

Tambahnya, isu bekalan telur dan minyak masak peket subsidi juga sudah tiada dan barangan itu kini mudah untuk didapati di pasaran.



**SALAHUDDIN** memantau bekalan makanan selepas Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah di Bedong, Sungai Petani semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**9 MEI 2023 (SELASA)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 9 MEI 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-May	Cuaca panas tidak jeaskan bekalan barangan keperluan: Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257443">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257443</a>	SH
9-May	Cuaca panas: Tiada isu bekalan makanan terjejas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/08/cuaca-panas-tiada-isu-bekalan-makanan-terjejas/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/08/cuaca-panas-tiada-isu-bekalan-makanan-terjejas/</a>	KOSMO
9-May	Subsidy claims can be made soon	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/08/subsidy-claims-can-be-made-soon">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/08/subsidy-claims-can-be-made-soon</a>	THESTAR
9-May	Barang keperluan masih dalam kawalan tidak terjejas	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/barang-keperluan-masih-dalam-kawalan-tidak-terjejas-salahuddin/">https://www.buletintv3.my/nasional/barang-keperluan-masih-dalam-kawalan-tidak-terjejas-salahuddin/</a>	BULETINTV3
9-May	Bekalan barangan keperluan tidak terjejas ekoran cuaca panas	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2187090">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2187090</a>	BERNAMA
9-May	Hot weather not disrupting supply of daily necessities	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2187098">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2187098</a>	BERNAMA
9-May	KPDN tidak puas hati dengan alasan syarikat gula	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257479">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257479</a>	SH
9-May	Hot weather not disrupting supply of daily necessities	<a href="https://www.thesundaily.my/local/hot-weather-not-disrupting-supply-of-daily-necessities-KM10947049">https://www.thesundaily.my/local/hot-weather-not-disrupting-supply-of-daily-necessities-KM10947049</a>	THESUNDAILY
9-May	Hot spell: Supply of daily necessities not affected, says Salahuddin	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/08/hot-spell-supply-of-daily-necessities-not-affected-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/08/hot-spell-supply-of-daily-necessities-not-affected-says-salahuddin</a>	THESTAR
9-May	Cuaca panas tidak jeaskan bekalan makanan negara	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/cuaca-panas-tidak-jeaskan-bekalan-makanan-negara/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/cuaca-panas-tidak-jeaskan-bekalan-makanan-negara/</a>	UM
9-May	Cuaca panas: Bekalan barangan keperluan masih terkawal, tidak terjejas	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63010-cuaca-panas-bekalan-barangan-keperluan-masih-terkawal-tidak-terjejas">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63010-cuaca-panas-bekalan-barangan-keperluan-masih-terkawal-tidak-terjejas</a>	BERITARTM



9-May	Cuaca panas tidak jeaskan bekalan barang - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/cuaca-panas-tidak-jeaskan-bekalan-barang-salahuddin-418605%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/cuaca-panas-tidak-jeaskan-bekalan-barang-salahuddin-418605%3famp=1</a>	ASTROAWANI
9-May	Kasut tiruan berjenama bernilai RM800,000 dirampas KPDN	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2023/05/08/kasut-tiruan-berjenama-bernilai-rm800000-dirampas-kpdn/">https://malaysiaga-zette.com/2023/05/08/kasut-tiruan-berjenama-bernilai-rm800000-dirampas-kpdn/</a>	MALAYSIAGAZETTE
9-May	Selangor KPDN bust syndicate selling fake branded shoes	<a href="https://www.thesundaily.my/local/selangor-kpdn-bust-syndicate-selling-fake-branded-shoes-CM10947757">https://www.thesundaily.my/local/selangor-kpdn-bust-syndicate-selling-fake-branded-shoes-CM10947757</a>	THESUNDAILY
9-May	KPDN Selangor rampas kasut tiruan bernilai RM800,000	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257485">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257485</a>	SH
9-May	KPDN Selangor patahkan sindiket jual kasut tiruan bernilai RM800,000	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-patahkan-sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800-000-418630%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-patahkan-sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800-000-418630%3famp=1</a>	ASTROAWANI
9-May	KPDN rampas kasut tiruan RM80,000 tahan lelaki	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/08/kpdn-rampas-kasut-tiruan-rm800000-tahan-lelaki/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/08/kpdn-rampas-kasut-tiruan-rm800000-tahan-lelaki/</a>	FMT
9-May	KPDN Selangor patahkan sindiket jual kasut tiruan bernilai RM800,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2187150">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2187150</a>	BERNAMA
9-May	KPDN Selangor patahkan sindiket jual kasut tiruan bernilai RM800,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/63032-kpdn-selangor-patahkan-sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800-000">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/63032-kpdn-selangor-patahkan-sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800-000</a>	BERITARTM
9-May	Sindiket jual kasut tiruan bernilai RM800,000 tumpas	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/964666/sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800000-tumpas-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/964666/sindiket-jual-kasut-tiruan-bernilai-rm800000-tumpas-metrotv</a>	HM

9-May	Tak sempat jual, peniaga 'berputih mata' 4,000 kasut tiruan cecah RM800,000 kena sita	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2023/05/08/tak-sempat-jual-peniaga-039berputih-mata039-4000-kasut-tiruan-cecah-rm800000-kena-sita">https://majoriti.com.my/berita/2023/05/08/tak-sempat-jual-peniaga-039berputih-mata039-4000-kasut-tiruan-cecah-rm800000-kena-sita</a>	MAJORITI
9-May	Sindiket jual kasut tiruan RM800,000 dalam talian tumpas	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/sindiket-jual-kasut-tiruan-rm800000-dalam-talian-tumpas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/sindiket-jual-kasut-tiruan-rm800000-dalam-talian-tumpas/</a>	UM
9-May	Sindiket kasut tiruan RM800,000 tumpas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/08/sindiket-kasut-tiruan-rm800000-tumpas/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/08/sindiket-kasut-tiruan-rm800000-tumpas/</a>	KOSMO